

Segera penuhi keperluan China: Dr M

BH - 22/4/2004, m/s: 5

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam menyarankan Malaysia supaya bertindak segera bagi memenuhi keperluan China yang semakin meningkat kerana kemakmuran negara itu akan mempengaruhi perdagangannya dengan dunia.

Bekas Perdana Menteri Malaysia itu berkata: "Kita tidak dapat meramalkan dengan tepat perubahan dalam ekonomi dan perdagangan dunia China tetapi yang pasti, apa saja keperluan China adalah sesuatu yang besar dan sebahagian keperluannya boleh dipenuhi Malaysia jika kita bersedia."

Dalam ucapan mengenai usaha meningkatkan perdagangan Malaysia-China di Universiti Tsinghua di Beijing, China, semalam, beliau berkata, apabila China semakin makmur, keperluan dan gaya hidup penduduknya akan berubah dan Malaysia mesti bersedia mengambil peluang daripadanya supaya tidak ketinggalan.

Dalam ucapan yang dikeluarkan di sini semalam, beliau juga merujuk satu kes di mana sebuah pengeluar pesawat Amerika memutuskan untuk mengeluarkan pesawat saiz sederhana berbadan kecil di China dengan kerjasama China pada peringkat awal pemodenan negara itu.

Pengeluar Amerika itu berasa China akan memerlukan pesawat yang agak kecil bagi laluan domestik tetapi apabila sektor perjalanannya meningkat dengan pesat, China didapati memerlukan pesawat lebih besar walaupun untuk laluan domestik.

Setelah silap membuat ramalan, syarikat itu rugi, katanya.

"Bagi kita, kita mesti peka dan bertindak sepantas mungkin kepada keperluan China. Apabila timbul peluang untuk lebih banyak perdagangan diadakan di antara Malaysia dan China, cubalah mengautnya," katanya.

Dr Mahathir berkata, potensi perdagangan antara Malaysia dan China adalah besar.

China yang semakin kaya, katanya, akan meningkatkan permintaan bagi banyak produk Malaysia di mana China tidak dapat mengeluarkannya dalam kuantiti yang diperlukan.

Beliau memberi contoh, Malaysia mengeluarkan minyak sawit yang tidak dapat dikeluarkan China walaupun ia menggunakan tiga juta tan metrik komoditi itu, separuh daripadanya datang dari Malaysia.

Pada masa sama, pendapatan dari pelancong China yang menyumbang setengah juta kedatangan pelancong ke Malaysia setahun akan membantu mengimbangi import Malaysia dari China.

Malaysia juga boleh memenuhi permintaan China yang semakin bertambah untuk mendapatkan pendidikan baik menerusi universiti dan institusi pengajian tinggi lain.

Mengenai keperluan bahan api pula, Dr Mahathir berkata, permintaannya besar kerana China mengeluarkan tiga juta kereta pada 2003 dan akan mengeluarkan lebih banyak lagi pada masa depan.

Malaysia tidak mengeluarkan minyak yang banyak, tetapi bersama dengan Indonesia,

mereka mempunyai rizab gas yang besar yang dapat memenuhi keperluan China untuk bahan api gas.

Walaupun selepas projek Empangan Tiga Lembah (Three Gorges Dam) dan loji kuasa nuklearnya siap, permintaan China untuk tenaga masih mengatasi bekalan.

Bagi keperluan aluminium pula, beliau berkata, China menggunakan sejumlah besar kuasa untuk kilang peleburan aluminium dan ia hanya membazir dan tidak ekonomi kerana negara itu kekurangan sumber bahan api.

Kilang pelebur akan ditutup dan China akan terpaksa mengimport aluminium dalam jumlah yang besar.

Sebaliknya Malaysia, menerusi Empangan Elektrik Hidro Bakun boleh menyokong beberapa kilang pelebur aluminium.

"Oleh itu, adalah munasabah bagi China mendapatkan sumber aluminium dari Malaysia daripada kilang pelebur yang dimiliki sebahagiannya oleh China," kata Dr Mahathir. - Bernama